



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2020 / 2021
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWW 2213
KOD KURSUS

COURSE NAME : FINANCIAL MANAGEMENT
NAMA KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWW
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 3 HOURS (INCLUDING SUBMISSION HOUR)
TEMPOH 3 JAM (TERMASUK MASA PENGHANTARAN)

DATE : NOVEMBER 2020
TARIKH

INSTRUCTION / ARAHAN:

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
 2. Write your name, matric no., identity card no., course code, course name, section no. and lecturer's name on the first page (in the upper left corner) and every page thereafter on the answer sheet.
Tulis nama anda, no. matrik, no. kad pengenalan, kod kursus, nama kursus, no. seksyen dan nama pensyarah pada muka surat pertama (penjuru kiri atas) kertas jawapan dan pada setiap muka surat jawapan.
 3. Each answer sheet must have a page number written at the bottom right corner.
Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.
 4. Answers should be handwritten, neat and clear.
Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas menggunakan huruf cerai.
-

WARNING / AMARAN

Students caught copying / cheating during the examination will be liable for disciplinary actions and the faculty may recommend the student to be expelled from sitting for exam.
Pelajar yang ditangkap meniru / menipu semasa peperiksaan akan dikenakan tindakan disiplin dan pihak fakulti boleh mengesyorkan pelajar diusir dari menduduki peperiksaan.

This examination paper consists of 7 pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan.

ONLINE EXAMINATION RULES AND REGULATIONS
PERATURAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN

1. Student must carefully listen and follow instructions provided by invigilator.
Pelajar mesti mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan dengan teliti.
2. Student is allowed to start examination only after confirmation of invigilator if all needed conditions are implemented.
Pelajar dibenarkan memulakan peperiksaan hanya setelah pengesahan pengawas peperiksaan sekiranya semua syarat yang diperlukan telah dilaksanakan.
3. During all examination session student has to ensure, that he is alone in the room.
Semasa semua sesi peperiksaan pelajar harus memastikan bahawa dia bersendirian di dalam bilik.
4. During all examination session student is not allowed to use any other devices, applications except other sites permitted by course lecturer.
Sepanjang sesi peperiksaan pelajar tidak dibenarkan menggunakan peranti dan aplikasi lain kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah kursus.
5. After completing the exam student must inform invigilator via the set communication platform (eg. WhatsApp etc.) about completion of exam and after invigilator's confirmation leave examination session.
Selepas peperiksaan selesai, pelajar mesti memaklumkan kepada pengawas peperiksaan melalui platform komunikasi yang ditetapkan (contoh: Whatsapp dan lain-lain) mengenai peperiksaan yang telah selesai dan meninggalkan sesi peperiksaan selepas mendapat pengesahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Any technical issues in submitting answers online have to be informed to respective lecturer within the given 30 minutes. Request for re-examination or appeal will not be entertain if complains are not made by students to their lecturers within the given 30 minutes.
Sebarang masalah teknikal dalam menghantar jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing dalam masa 30 minit yang diberikan. Permintaan untuk pemeriksaan semula atau rayuan tidak akan dilayan sekiranya aduan tidak dibuat oleh pelajar kepada pensyarah mereka dalam masa 30 minit yang diberikan.
7. During online examination, the integrity and honesty of the student is also tested. At any circumstances student is not allowed to cheat during examination session. If any kind of cheating behaviour is observed, UTM have a right to follow related terms and provisions stated in the respective Academic Regulations and apply needed measures.
Semasa peperiksaan dalam talian, integriti dan kejujuran pelajar juga diuji. Walau apa pun keadaan pelajar tidak dibenarkan menipu semasa sesi peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang salah laku, UTM berhak untuk mengikuti terma yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik.

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

Q1. For years, many scholars and practitioners have contributed their time, knowledge, experiences in researching, and published many papers about agency costs.

[Selama bertahun-tahun, banyak sarjana dan pengamal telah menyumbangkan masa, pengetahuan, pengalaman dalam menyelidik, dan menerbitkan banyak makalah mengenai kos agensi.]

a. Explain what is meant by agency costs?

[Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kos agensi?] **(2m)**

b. In your opinion, is an appropriate system of corporate governance the effective mechanism for dealing with the agency costs? Give a brief comment on your answer.

[Pada pendapat anda, adakah sistem tadbir urus korporat yang sesuai merupakan mekanisme berkesan untuk menangani kos agensi? Beri ulasan secara ringkas terhadap jawapan anda.]

(3m)

Q2. DPLogy Sdn Bhd wants to purchase machinery. To do this, it borrows RM12,000 to be repaid in three equal payments at the end of each of the next 3 years, and the interest rate that is paid to the lender is 15% on the outstanding portion of the loan.

[DPLogy Sdn Bhd ingin membeli jentera. Untuk itu, syarikat meminjam RM12,000 untuk dibayar balik dalam tiga pembayaran yang sama pada akhir setiap 3 tahun akan datang, dan kadar faedah yang dibayar kepada pemberi pinjaman ialah 15% atas bahagian pinjaman yang belum dijelaskan.]

a. Determine the annual payments value.

[Tentukan nilai bayaran tahunan.] **(2m)**

b. Prepare an amortization schedule for the machinery purchase loan.

[Sediakan jadual pelunasan bagi pinjaman pembelian jentera tersebut.] **(6m)**

Q3. Hakeemirul, an investment analyst noted that company DDP has been growing at a constant rate of 10% per year for the last 10 years. However, in view of the expected recovery in global economy, Hakeemirul is confident that DDP should be able to grow at a faster rate of 16% for the next 3 years. Thereafter it should settle at the previous growth rate of 10% per year. An investor risk appetite is 13%. DDP is currently traded at RM65.50 on Bursa Malaysia. DDP just paid a dividend of RM1.50.

[Hakeemirul, seorang penganalisa pelaburan mengetahui bahawa syarikat DDP telah berkembang dengan kadar konstan 10% setahun untuk 10 tahun kebelakang. Bagaimanapun, pada jangkaan yang keseluruhan ekonomi akan pulih, Hakeemirul yakin bahawa DDP sepatutnya mampu berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu 16% untuk 3 tahun seterusnya. Selepas itu, ia tetap pada kadar pertumbuhan yang sebelumnya, iaitu 10% setahun. Risiko pelabur ialah 13%. Pada masa ini, DDP diniagakan pada RM65.50 dalam Bursa Malaysia. DDP baru membayar dividen RM1.50.]

- a. Calculate the value of DDP common stock based on the investor's required rate of return.

[Kirakan nilai saham biasa DDP berdasarkan kadar pulangan yang diperlukan pelabur.] **(8m)**

- b. What advice should Hakeemirul give to the investor?

[Apakah nasihat yang patut Hakeemirul beri kepada pelabur?] **(2m)**

Q4. MCO Bhd. collects its account receivables in 65 days after credit sales are made and pays its account payables obligations in 50 days after credit purchases are placed. The firm's cost of goods sold (COGS) for the year is RM550,000 and its closing inventory amounts to RM35,000.

[MCO Bhd. mengutip akaun boleh terima dalam masa 65 hari selepas jualan kredit dibuat dan membayar tanggungan akaun boleh bayar dalam masa 50 hari selepas belian kredit berlaku. Kos barang dijual (COGS) firma untuk tahun tersebut ialah RM550,000 dan baki inventori akhir firma adalah RM35,000.]

- a. Calculate the firm's cash conversion cycle (CCC)

[Kirakan kitaran penukaran tunai (CCC) firma.] **(4m)**

- b. The firm is able to extend its payment period to 55 days by using new supplier; due to this its inventory conversion period will be lengthened by 8 days. Calculate the new CCC. Should the firm change to the new supplier? State your reason.

[Firma dapat melanjutkan tempoh pembayaran kepada 55 hari melalui pembekal baru; daripada itu tempoh penukaran inventori akan dapat dilanjutkan selama 8 hari. Kirakan 'CCC' baru. Perlukah firma bertukar kepada pembekal baru? Nyatakan sebab anda.] **(3m)**

Q5. DANA Corporation is contemplating a new investment asking you as their financial consultant to help them determine the associate cost of capital for the following sources of financing:-

[Syarikat DANA sedang mempertimbangkan pelaburan baru dan meminta anda selaku perunding kewangan syarikat untuk membantu mereka menentukan kos modal yang berkaitan untuk beberapa sumber kewangan seperti berikut:-]

- a. A bond that has a RM1,000 par value and a contract or coupon interest rate of 5.4%. A new issue would have a floatation cost of 10% of the RM1,200 market value. The bond matures in 40 years and the company is in a 30% tax bracket. What is the firm's after tax cost of debt on the bond?

[Bon yang mempunyai nilai tara RM1,000 dan kontrak atau kadar kupon sebanyak 5.4%. Terbitan baru akan mempunyai kos apungan pada 10% daripada nilai pasaran RM1,200. Bon matang dalam tempoh 40 tahun dan syarikat dalam julat cukai 30%. Berapakah kos modal selepas cukai bon kepada syarikat?]

(5m)

- b. A preferred stock paying a 14% dividend on a RM50 par value. If a new issue is offered, floatation costs will be 12.5% of the current price of RM80. What is the cost of capital for the preferred stock to the company?

[Saham keutamaan dengan kadar dividen 14% pada RM50 nilai tara. Sekiranya saham baru diterbitkan, kos apungan akan menjadi 12.5% daripada harga semasa iaitu sebanyak RM80. Berapakah kos modal kepada syarikat untuk saham keutamaan?]

(3m)

- c. A new common stock issue that is expected to pay RM1.24 dividend next year. The growth rate of 10% is expected to continue into foreseeable future. The price of this stock is now RM16, but RM3.60 floatation costs are anticipated. What is the cost of capital for the common stock?

[Terbitan saham biasa baru yang dijangka membayar dividen RM1.24 tahun hadapan. Kadar pertumbuhan 10% dijangka berterusan ke masa hadapan. Harga saham ini kini RM16, tetapi kos apungan dijangkakan ialah RM3.60. Berapakah kos modal untuk saham biasa?]

(5m)

- d. Based on the above results, compute the company's weighted average cost of capital (WACC) if the company plans to maintain its capital structure of 40% debt, 10% preferred stock and 50% common stock.

[Berdasarkan keputusan di atas, hitungkan kos modal purata wajaran syarikat (KMPW/WACC) jika syarikat merancang untuk mengekalkan struktur modal iaitu 40% hutang, 10% saham keutamaan dan 50% saham biasa].

(4m)

- e. The rate of return on the new project is expected to be at 15%. Given your answer in part (d) above, should project be accepted? Why?

[Kadar pulangan untuk projek baru adalah dijangka pada 15%. Berdasarkan jawapan anda di bahagian (d) di atas, adakah projek tersebut perlu diterima? Mengapa?]

(3m)

Q6. The Bio-Institute Technology is considering two Pandemic Preparedness and Personal Protective Equipment **independent projects**. The maximum allowable payback period for the project is 3.5 years. The required rate of return on these projects is 15%. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows: *[Bio-Institute Technology sedang mempertimbangkan dua jenis projek Persediaan Pandemik dan Alat Pelindung Diri **saling tidak bergantung**. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 3.5 tahun. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 15%. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]*

	PROJECT A	PROJECT B
	[PROJEK A]	[PROJEK B]
Initial Outlay <i>[Pelaburan Awal]</i>	(RM620,000)	(RM620,000)
Inflow year 1 <i>[Aliran masuk tahun 1]</i>	160,000	195,000
Inflow year 2 <i>[Aliran masuk tahun 2]</i>	160,000	195,000
Inflow year 3 <i>[Aliran masuk tahun 3]</i>	170,000	195,000
Inflow year 4 <i>[Aliran masuk tahun 4]</i>	250,000	195,000
Inflow year 5 <i>[Aliran masuk tahun 5]</i>	280,000	195,000

Required: [Dikehendaki:]

- Determine the payback period for each project.
[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] **(3m)**
- Calculate the Net Present Value (NPV) for each project.
[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) untuk setiap projek.] **(7m)**
- Calculate the Profitability Index (PI) for each project.
[Kirakan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] **(2m)**
- The Internal Rate of Return (IRR) for project A is 17.06%. Calculate the IRR for project B.
[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek A ialah 17.06%. Kirakan 'IRR' untuk projek B.] **(3m)**
- Based on the IRR given and ALL your answers above, explain briefly which project should be accepted.
[Berdasarkan IRR yang diberi dan KESEMUA jawapan anda di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] **(6m)**
- Why is NPV the most accurate capital budgeting technique compared to the Payback and IRR? Relate your answers with the concept of maximizing shareholder's wealth.
[Mengapa 'NPV' merupakan kaedah belanjawan modal yang paling tepat berbanding 'Payback' dan 'IRR'? Kaitkan jawapan anda dengan konsep memaksimumkan kekayaan pemegang saham.] **(4m)**

- Q7.** You are required to evaluate the purchase of a proposed digital drawing machine for the Production Department. The purchase price is RM155,000, and it would cost another RM25,000 to modify the machine for special use by the firm. This machine has an expected life of 5 years, after which it will have no salvage value. The machine is depreciated using straight line method.

[Anda dikehendaki untuk membuat penilaian ke atas pembelian mesin lukisan digital yang dicadangkan untuk Jabatan Pengeluaran. Harga belian adalah RM155,000 dan ia akan memerlukan belanja tambahan RM25,000 untuk mengubahsuai mesin bagi kegunaan khas oleh firma. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 5 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Mesin tersebut disusutnilai dengan kaedah garis lurus.]

The new machine is expected to increase sales by RM55,000 and **save** the cost of maintenance by RM5,000 annually over the life of the asset. Due to increase sales, the firm expects an increase in working capital of RM10,000. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM50,000 at 8% interest from DDW Bank, resulting in additional interest payments of RM4,000 per year. The firm's marginal tax rate is 25%.

*[Mesin baharu tersebut dijangkakan dapat meningkatkan jualan sebanyak RM55,000 dan **menjimatkan** kos penyelenggaraan sebanyak RM5,000 setiap tahun selama tempoh usia aset. Firma menjangkakan terdapat peningkatan modal kerja sebanyak RM10,000 disebabkan oleh peningkatan jualan. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, firma perlu meminjam RM50,000 pada kadar faedah 8% daripada DDW Bank, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM4,000 setahun. Kadar cukai marginal firma adalah 25%.]*

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment outlay for this project?
[Berapakah pengeluaran pelaburan permulaan bagi projek tersebut?] **(5m)**
- b. What are the project's annual cash flows in Years 1 to 5?
[Berapakah aliran tunai tahunan projek dalam Tahun 1 sehingga 5?] **(10m)**
- c. If the WACC is 11%, what is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased? Why?
[Jika WACC adalah 11%, apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkah mesin ini dibeli? Mengapa?] **(7m)**
- d. Briefly explain why the financing the asset should be excluded from capital-budgeting analysis.
[Jelaskan secara ringkas mengapakah keputusan berkenaan pembiayaan aset perlu diasingkan daripada analisa belanjawan modal?] **(3m)**